

DARULNAIM

KELANTAN FUTURES STATES 2033
BERPRINSIP ISLAMI

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDAH 1446H | 18-22 MEI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PEMBANGUNAN DI KAWASAN
SEMPADAN PERLU LEBIH RANCAK
- MB KELANTAN

LEMBU KORBAN 1446H DI
KELANTAN MENCUKUPI
- EXCO PERTANIAN

KELANTAN HARGAI PERANTAU,
SEDIAKAN RUANG BERKONGSI
PANDANGAN

RAJA PERMAISURI AGONG RASMIKAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PPPM KALI KE-60 DI KOTA DARULNAIM

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 21 Mei – Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah berkenan merasmikan Persidangan dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-60 Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) yang berlangsung di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Keberangkatan tiba Seri Paduka Baginda buat julung kali ke Kelantan secara rasmi selaku Permaisuri Agong, merangkap Penaung Diraja PPPM, disambut Penaung Diraja PPPM Kelantan Sultanah Nur Diana Petra Abdullah, Yang Dipertua PPPM Kelantan Tengku Amalin A'ishah Putri Sultan Ismail Petra serta Yang Dipertua PPPM Johor Che' Puan Mahkota Khaleeda Johor.

Turut mengiringi, isteri Menteri Besar Kelantan Datin Panglima Perang Ustazah Datin Wan Nor Hanita Wan Yaakob bersama Yang Dipertua Kebangsaan PPPM Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail



dan Ketua Pesuruhjaya PPPM Datuk Yeoh Soo Keng.

Dalam titah perasmian, Raja Zarith Sofiah menekankan kepentingan penguasaan kemahiran digital dalam kalangan ahli PPPM agar seiring dengan perkembangan teknologi semasa.

"Kemajuan teknologi, termasuk kecerdasan buatan (AI), kini menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian. Saya berharap ahli persatuan ini akan menjadi gener-

asi celik digital yang bijak memanfaatkan teknologi, namun tetap beretika dan berjiwa insan," titah baginda.

Raja Zarith Sofiah turut mengiktiraf peranan PPPM sebagai wadah penting dalam menyemai perpaduan, empati dan kedulian sosial, khususnya dalam suasana global yang semakin mencabar.

"Saya menyeru agar semangat perpaduan yang terbina dalam

persatuan ini terus diperkuuh dan diperluaskan ke seluruh lapisan masyarakat demi kestabilan dan kemajuan negara yang kita cintai," titah baginda.

Seri Paduka turut menzhirkan kegembiraan melihat penglibatan aktif anak-anak gadis dalam aktiviti persatuan serta mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Pandu Puteri Raja sebagai bukti kecemerlangan dalam bidang masing-masing.



PEMBANGUNAN DI KAWASAN SEMPADAN PERLU LEBIH RANCAK – MB KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

PASIR MAS, 22 Mei – Pembangunan di kawasan sempadan negeri, khususnya di Pasir Mas, perlu dilaksanakan dengan lebih rancak berbanding kawasan lain memandangkan kedudukannya yang strategik serta memiliki potensi besar untuk dimajukan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud berkata, beberapa projek mega telah dan sedang dirancang di sekitar kawasan sempadan Kelantan-Thailand di Rantau Panjang.

“Di Pasir Mas ini, ada beberapa projek besar yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Anwar Ibrahim. Antaranya pembinaan jambatan kedua yang merentasi Sungai Golok di Rantau Panjang.

“Ini merupakan detik bersejarah bagi Pasir Mas apabila Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Thailand pada masa itu, Srettha Thavisin, bertemu di sini bagi membincangkan pembangunan bersama di tebing Sungai Golok,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap sempena lawatan kerja ke Jajahan Pasir Mas di Bilik Gerakan, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, hari ini.

Menurutnya lagi, Perdana Menteri Malaysia memaklumkan bahawa Perdana Menteri Thailand yang baharu, Paetongtarn Shina-watra turut bersetuju meneruskan



pembinaan jambatan berkenaan serta inisiatif mendalamkan Sungai Golok.

“Kedua-dua kerajaan bersetuju untuk membina jambatan kedua di Sungai Golok serta mendalamkan sungai tersebut bagi mengatasi masalah banjir yang sering melanda kawasan ini. Kita berterima kasih kepada Kerajaan Pusat atas komitmen tersebut,” ujarnya.

Menteri Besar turut menegaskan bahawa kerajaan negeri, khususnya Pejabat Tanah, perlu segera melaksanakan proses pengambilan tanah bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan.

“Perdana Menteri juga meluluskan peruntukan RM5 juta bagi pembinaan kios untuk peniaga kecil di laluan jambatan kedua tersebut.

“Perdana Menteri mahu kios ini dibina berhampiran jambatan, maka kita minta agar urusan tanah disegerakan,” katanya.

Mengulas mengenai tanggungjawab membangunkan negeri, beliau menyifatkan ia sebagai amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi.

“Allah tidak melantik malaikat sebagai khalifah kerana malaikat tidak makan, tidak bertani, tidak membina rumah. Maka bumi tidak akan dibangunkan. Tetapi manusia, bila ada keperluan, mereka akan bertindak,”

Dalam pada itu, beliau turut menyentuh mengenai kepentingan menampilkan identiti tempatan dalam seni bina, khususnya dalam pembinaan masjid.

“Kita mahu seni bina masjid di Kelantan menonjolkan identiti Melayu dan warisan tempatan. Kalau Masjid Beijing di Rantau Panjang dibina berdasarkan seni bina China bagi tujuan dakwah pada era Al-lahyarham Tan Sri Dato' Bentara Setia Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, maka kita juga mahu

“

Allah tidak melantik malaikat sebagai khalifah kerana malaikat tidak makan, tidak bertani, tidak membina rumah. Maka bumi tidak akan dibangunkan. Tetapi manusia, bila ada keperluan, mereka akan bertindak,”

pelancong datang melihat keunikan seni bina kita melalui pembinaan masjid baharu di negeri ini,” katanya, merujuk kepada cadangan pembinaan masjid di Apam Putra.

Terdahulu, Menteri Besar dan rombongan diberi taklimat mengenai perkembangan pembangunan Jajahan Pasir Mas oleh Ketua Jahan Shamsul Abu Bakar.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan YBM Tengku Kaya Perkasa Dato' Dr Tengku Mohamed Faziharudean Tengku Feissal, Penasihat Undang-Undang Negeri, YB Dato' Idham Abdul Ghani, Pegawai Kewangan Negeri YB Dato' Rosnazli Amin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri; Ahli Dewan Undangan Negeri; Ahli Dewan Negara serta ketua-ketua jabatan negeri dan persekutuan.

Menteri Besar turut melawat ladang solar terapung di Danau Tok Uban dan melepaskan 50,000 anak ikan lampau ke tasik berkenaan.



KELANTAN FUTURES STATES 2033 BERPRINSIP ISLAMI

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 19 Mei – Kelantan kini berada pada landasan strategik dalam merealisasikan aspirasi Kelantan Futures States 2033, dengan tempoh lapan tahun berbaki untuk mencapai matlamat yang telah di gariskan.

Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, pendekatan pembangunan negeri perlu dilaksanakan secara tersusun dan berstrategi agar selari dengan nilai-nilai Islam serta jati diri rakyat Kelantan.

“Meskipun negara-negara Barat sering dijadikan rujukan dalam aspek kemajuan, pendekatan pembangunan di Kelantan mempunyai keunikan tersendiri dan tidak meniru sepenuhnya naratif Barat yang cenderung memisahkan agama daripada arus kemodenan,” katanya menerusi hantaran di media sosial, semalam.

Beliau menjelaskan, Kelantan memilih pendekatan membina masa depan berdasarkan prinsip Islam yang menyeluruh, berpaksikan nilai ilmu, akhlak dan budaya tempatan, tanpa mengabaikan identiti negeri serta kekuatan dalaman rakyatnya.

Dato' Dr. Mohamed Fadzli turut menegaskan bahawa setiap negeri mempunyai pendekatan pemban-



gunan yang berbeza, bergantung kepada faktor geografi, sumber semula jadi serta potensi ekonomi masing-masing.

“Kelantan mungkin tidak menonjol dalam beberapa aspek pembangunan fizikal, namun mempunyai kelebihan ketara dalam bidang pendidikan agama. Dengan kewujudan 93 buah sekolah agama di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK), negeri ini telah berjaya melahirkan ramai ilmuwan, teknokrat dan pakar yang menyumbang di peringkat nasional serta an-

tarabangsa,” katanya lagi.

Tambah beliau, persepsi negatif terhadap negeri ini perlu diperbetulkan dengan memperlihatkan kekuatan sebenar Kelantan.

“Kejayaan anak-anak Kelantan yang kini menyumbang khidmat bakti di seluruh negara adalah bukti bahawa negeri ini berjaya melahirkan generasi berilmu, berakhlek dan memiliki jati diri tinggi,” tegasnya.

Terdahulu, beliau merasmikan Townhall Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan Zon

Utara yang berlangsung di sebuah hotel di Sungai Petani, Kedah.

Program anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu dihadiri hampir 300 anak Kelantan dari utara Semenanjung Malaysia.

Untuk rekod, Kelantan Futures States 2033 digagaskan berdasarkan tiga teras utama: memperkuuh kepimpinan ulama, memperkasaan ekonomi negeri serta mengukuhkan budaya kerjasama dan kebersamaan dalam kalangan rakyat

LEMBU KORBAN 1446H DI KELANTAN MENCUKUPI – EXCO PERTANIAN



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 21 Mei – Kelantan mempunyai bekalan lembu yang mencukupi bagi pelaksanaan ibadah korban sempena sambutan Aidiladha 1446 Hijrah.

Pengerusi Jawatankuasa Per-

tanian, Industri Agro Makanan dan Komoditi YB Dato' Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata setakat ini tiada sebarang isu kekurangan bekalan lembu korban di negeri ini, malah kemasukan lembu dari negara jiran, Thailand, juga berjalan lancar mengikut per-

aturan sedia ada.

“Kelantan berjiran dengan Thailand, dan kemasukan lembu dari sana dilakukan secara teratur dengan proses pendaftaran serta suntikan vaksin lengkap.

“Maka, isu kekurangan lembu korban tidak timbul, begitu juga keimbangan terhadap penyakit kerana lembu-lembu ini melalui kawalan kesihatan yang ketat,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) Negeri Kelantan di Mabna, Kompleks Kota Darulnaim, pada Selasa.

Mengulas lanjut, Dato' Tuan Mohd Saripudin menegaskan bahawa tiada sebarang laporan berkaitan penyakit lembu yang mem-

bahayakan kesihatan pengguna di Kelantan, termasuk penyakit yang boleh mengancam nyawa akibat pengambilan daging tercemar.

“Kes yang tular sebelum ini berlaku di luar Kelantan. Di negeri ini, tiada sebarang rekod penyakit sebegini.

“Oleh itu, daging lembu di Kelantan adalah selamat untuk dimakan. Kita sangat mengutamakan suntikan vaksin bagi menjamin kesihatan haiwan ternakan sebelum disembelih untuk ibadah korban,” jelasnya.

Beliau turut menggalakkan umat Islam di negeri ini agar memilih lembu ternakan tempatan kerana ia dijamin lebih berkualiti dan berada dalam keadaan kesihatan yang baik.

KELANTAN HARGAI PERANTAU, SEDIAKAN RUANG BERKONGSI PANDANGAN

Oleh: Asyura Muhamad

SUNGAI PETANI, 18 Mei – Kerajaan Negeri Kelantan terus menunjukkan komitmen tinggi dalam menjalin hubungan erat bersama anak-anak Kelantan di perantauan. Dalam masa sama, Persatuan Anak Kelantan di Perantauan (PERAKAN) kekal sebagai antara badan bukan kerajaan (NGO) paling aktif dalam melaksanakan pelbagai program melibatkan komuniti perantau.

Timbalan Menteri Besar Kelantan YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan berkata, usaha kerajaan negeri turun padang bertemu rakyat di perantauan adalah satu penghargaan terhadap sumbangan mereka, di samping memberi ruang untuk bertukar pandangan serta menyalurkan cadangan kepada kepimpinan negeri.

"Tujuan kita (pimpin kerajaan negeri) datang dan berjumpa adalah untuk menghargai anak-anak Kelantan dan dalam masa yang sama untuk bertukar-tukar pandangan serta memberi cadangan kepada kerajaan negeri," ka-



tanya ketika berucap dalam Majlis Townhall Pemimpin Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan Zon Utara di sebuah hotel, di sini, semalam.

Mengulas potensi pembangunan negeri, beliau memaklumkan bahawa setiap negeri di Malaysia mempunyai kekuatan dan cabaran tersendiri, termasuk Kelantan.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Kelantan kini menjalin kan kerjasama strategik bersama penyelidik dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) dalam merangka hala tuju pembangunan negeri menjelang tahun 2033 melalui inisiatif Kelantan Futures State 2033.

"Pelan ini dibangunkan berdasarkan data dan keperluan sema-

sa, bertujuan menyediakan panduan serta strategi lestari bagi memacu pembangunan negeri mengikut acuan sendiri," katanya.

Sementara itu, Exco Pembangunan Islam, Dakwah, Penerangan dan Hubungan Seranta YB Mohd Asri Mat Daud pula menjelaskan bahawa pelan tersebut mengenal pasti sembilan cabaran utama yang bakal dihadapi negeri itu, antaranya aspek ekonomi.

Menurutnya, pembangunan ekonomi yang inklusif dan disokong oleh pelbagai pihak diyakini mampu mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negeri secara berterusan.

Dalam pada itu, beliau turut menekankan bahawa model ekonomi berteraskan fardu kifayah yang di-

amalkan di negeri ini telah membolehkan pelaksanaan pelbagai skim kebajikan, termasuk Skim Al-Itaam yang menyediakan bantuan barang asas secara bulanan kepada golongan memerlukan, serta bantuan peralatan kepada usahawan terpilih di setiap Dewan Negeri (DUN).

"Kerajaan Negeri turut menunjukkan keprihatinan terhadap anak-anak Kelantan di perantauan, khususnya mahasiswa. Antara inisiatif disediakan termasuk perkhidmatan bas percuma untuk pulang mengundi dan menyambut Aidilfitri, selain bantuan Al-It'aam Siswa kepada pelajar kurang berkecukupan," katanya semasa sesi soal jawab dalam majlis berkenaan.



PROGRAM TOWNHALL WAJAR DITERUSKAN

Oleh: Asyura Muhamad

SUNGAI PETANI, 18 Mei – Program Townhall Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang menghimpunkan anak-anak Kelantan di perantauan disifatkan sebagai satu pendekatan berkesan dan perlu diperluaskan ke negeri-negeri lain.

Menurut Muhammad Ilmam Mushrief Zulkifli, 20, pelajar jurusan Perakaunan dari Universiti Utara Malaysia (UUM), program tersebut memberi peluang kepada peserta untuk berinteraksi secara langsung dengan pimpinan kerajaan negeri.

"Kita boleh mendengar penerangan terus daripada pimpinan dan mengemukakan soalan tanpa perantara. Penjelasan yang diberikan juga lebih jelas dan memberi input bermanfaat kepada perantau seperti kami," katanya yang berasal dari Taman Wangi, Gua Musang.

Menyokong kenyataan itu, Siti Nor Syazwani Afiqah Osman, 23,



mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pula menyifatkan penganjuran program seumpama itu sebagai satu inisiatif yang harus diteruskan kerana ia medium dialog dua hala perantau Kelantan dengan pemimpin.

"Program ini membuka ruang kepada perantau Kelantan untuk berdialog secara terbuka dengan pimpinan negeri. Saya rasa sangat

seronok kerana ini merupakan pengalaman pertama saya menyertai program sebegini," ujarnya yang berasal dari Kampung Palekbang, Tumpat.

Majlis Townhall PMBI Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan di Perantauan bagi zon utara itu diadakan di Swiss Avenue Hotel di sini, dengan kehadiran kira-kira 300 peserta.

Program anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu menampilkan dua ahli panel iaitu Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mohamad Nasriff Daud dan Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Wan Zulfadhl Syahman Wan Yusof.

KEBERKATAN

KONVENTSYEN NGO KELANTAN 2025 PLATFORM STRATEGIK PERKUKUH PERANAN MASYARAKAT BERDAYA TAHAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 16 Mei – Konvensyen NGO Kelantan 2025 disifatkan sebagai platform strategik bagi memperkuuh jaringan kerjasama antara pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan kerajaan negeri ke arah membina masyarakat inklusif yang berdaya tahan.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhammad berkata, konvensyen itu penting sebagai medan perkongsian maklumat, penyelarasan tindakan dan pemerkasaan peranan NGO di peringkat negeri.

“NGO bukan sahaja sekadar pelaksana aktiviti akar umbi, malah merupakan rakan pembangunan dan pemangkin kepada perubahan sosial yang signifikan,” katanya ketika merasmikan Konvensyen NGO Kelantan 2025 yang berlangsung di sebuah hotel, di Tunjong, hari ini.

Beliau menegaskan, peranan NGO mencakupi pelbagai sektor termasuk kebijakan, pendidikan,



belia, sukan, alam sekitar dan kesukarelawanan, menjadikan mereka tulang belakang kepada kelangsungan kesejahteraan sosial negeri.

“Dengan pendekatan ‘Whole of Society’, kita percaya NGO dapat menjayakan agenda Kelantan Sejahtera 2033 secara lebih menyeluruh, merentas latar belakang dan kepelbagaiannya komuniti,” jelasnya.

Menurutnya lagi, Kelantan telah menzahirkan komitmen jangka panjang melalui dasar dan inisiatif seperti Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK), pelan Kelantan Future State 2033 dan program Kelantan Future Leaders Institute (KFLI),

yang semuanya menekankan peranan strategik NGO sebagai penggerak masyarakat.

Matlamat kita jelas untuk melahirkan masyarakat Qawiyul Amin, iaitu masyarakat yang kuat dari segi daya tahan dan tinggi integritinya. NGO adalah ejen utama dalam pembinaan jatidiri rakyat,” tegas beliau.

Dalam pada itu, hala tuju NGO negeri menjelang tahun 2033 turut diperincikan.

Hal tersebut melibatkan pelbagai inisiatif baharu seperti pemerkasaan Konfederasi NGO Kelantan (KNK), penyediaan geran berasaskan keberkesanan impak komuniti,

serta pemetaan NGO mengikut bidang dan kawasan untuk pengurusan yang lebih sistematis.

Antara tumpuan lain ialah usaha melatih dan mementor NGO baharu, khususnya dalam kalangan belia, bagi memastikan kesinambungan kepimpinan sivil yang progresif dan berteraskan nilai.

Konvensyen NGO Kelantan 2025 menghimpunkan 200 wakil pertubuhan masyarakat civil dari seluruh negeri dan dijangka menjadi landasan utama dalam menyatukan agenda rakyat bersifat qawiyul amin selari dengan dasar pembangunan negeri secara lebih inklusif dan bersepadu.

PERANTAU TERUJA TAHU PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN KELANTAN



Oleh: Norzana Razaly

SUNGAI PETANI, 20 Mei – Hasrat seorang perantau dari Sungai Petani, Kedah untuk kembali menetap di kampung halaman di Kelantan dalam tempoh lima hingga enam tahun akan datang disulami dengan keterujaan terhadap perkembangan semasa negeri ini, khususnya di Jeli.

Wan Maznah Wan Muhamad, anak jati Kampung Legeh, Jeli yang telah bermastautin di Kedah sejak tahun 2000, meluahkan keinginan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kemajuan di daerah kelahirannya sebagai persediaan awal untuk berhijrah pulang.

“Ramai anak muda berhijrah

keluar kerana kurang peluang pekerjaan. Di Jeli, tiada pasar raya, terpaksa ke Bukit Bunga di Tanah Merah untuk mendapatkan keperluan harian dan jaraknya agak jauh. Persoalannya, bagaimana kita boleh tarik anak muda yang bekerja di luar supaya kembali dan membangunkan Jeli, contohnya membuka kilang?” ujarnya.

Menjawab perkara itu, Timbalan Pengurus Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan, YB Mohamad Nasriff Daud menjelaskan bahawa Jeli sedang pesat membangun dengan kewujudan institusi pendidikan seperti Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Mak-

tab Rendah Sains MARA (MRSRM) dan pelbagai kemudahan lain.

“Jeli kini dikenali sebagai bandar bahagia dan sejahtera. Kebanyakan yang bekerja di Jeli adalah penyewa, bukan penduduk tetap. Namun, jika jajaran baharu Lebuh Raya Utara-Timur dapat direalisasikan, ia pasti menjadi pemangkin kemajuan Jeli selaras dengan semangat federalisme,” katanya.

Beliau turut memaklumkan perancangan pembangunan kawasan perindustrian di Bukit Perawas yang bakal menjadi tapak bagi kilang pemasangan komponen elektronik.

Menurutnya, kerajaan negeri komited menyediakan infrastruktur

terbaik untuk merangsang pembangunan di kawasan tersebut.

YB Nasriff turut menyentuh tentang daya beli rakyat Kelantan yang tinggi meskipun negeri ini sering dilabel sebagai miskin.

“Ramai tidak sedar bahawa selepas Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, harga tanah dan kos rumahdi Kelantan adalah antara yang tertinggi. Namun, rakyat mampu membeli, membuktikan kemampuan ekonomi domestik yang kukuh. Anak muda perlu berfikiran jauh, walau di mana pun bekerja, jangan lupa menyumbang kepada negeri asal,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel dalam program Townhall Pimpinan Kerajaan Negeri Bersama Anak Kelantan Zon Utara yang diadakan di sebuah hotel di Sungai Petani, Kedah, pada Ahad lalu.

Program anjuran Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan (UPKN) itu menghimpunkan hampir 300 anak Kelantan yang menetap di negeri-negeri utara Semenanjung.

PERATUS KEMAJUAN LRA TANJUNG MAS CAPAI 48.43 PERATUS

Oleh: Norzana Razaly


KOTA BHARU, 16 Mei 2025

– Pembinaan Loji Rawatan Air (LRA) Tanjung Mas Paket 2 kini mencatat kemajuan sebanyak 48.43 peratus mendahului jadual sebenar 45.30 peratus.

Pencapaian tersebut sekali gus menzhirkkan perkembangan positif dalam usaha meningkatkan kapasiti bekalan air bersih di Kelantan.

Timbalan Pengurus Jawatankuasa Kerjaya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar YB Saizol Ismail berkata, pihaknya berpuas hati dengan kemajuan fizikal projek tersebut yang berada di landasan tepat mengikut jadual.

“Insya-Allah, melihat kepada kemajuan kerja semasa, pembinaan telaga tiub dijangka dapat disiapkan menjelang hujung tahun ini. Ia merupakan langkah awal sebelum pelaksanaan fasa pra-pembinaan



loji rawatan air di Tanjung Mas,” katanya ketika ditemui media di tapak projek pada Khamis.

Beliau turun padang mengiringi lawatan kerja Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), YB Akmal Nas-

rullah Mohd Nasir ke lokasi berkeraenaan.

Jelasnya lagi, projek LRA Tanjung Mas merupakan sebahagian daripada pelan strategik negeri dalam meningkatkan kebolehupayaan sistem bekalan air bersih

kepada rakyat.

“Pembangunan prasarana air seperti ini adalah manifestasi komitmen kerajaan negeri dalam menangani isu gangguan bekalan air secara menyeluruh dan mampan,” ujarnya.

KUNJUNGAN HORMAT KNK PERKUKUH PERANAN NGO SEBAGAI RAKAN STRATEGIK KERAJAAN NEGERI



entuh dalam pertemuan tersebut termasuklah usaha memperkuuh ekosistem NGO di peringkat negeri, keperluan sokongan terhadap program akar umbi, serta peranan KNK dalam memperluas pelaksanaan program pembangunan belia dan masyarakat melalui jaringan NGO sedia ada.

“Kerajaan Negeri sentiasa menyokong usaha murni NGO dan terbuka untuk memperkuuh ker-

jasama yang sedia ada demi membina masyarakat yang lebih inklusif dan sejahtera,” katanya.

YB Zamakhshari turut berharap pertemuan tersebut menjadi pemangkin kepada sinergi lebih erat di antara kerajaan dan masyarakat sivil, seterusnya memperkuuh peranan NGO sebagai tulang belakang kepada pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat Kelantan secara menyeluruh.



Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Mei

– Kerajaan Negeri terus komited memperkuuh jalinan kerjasama strategik bersama pertubuhan masyarakat civil apabila menerima

kunjungan hormat daripada pemimpin Konfederasi NGO Kelantan (KNK) ke pejabat Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad, di sini, hari ini.

Menurut catatan yang dikongsi YB Zamakhshari menerusi media sosial rasminya, kunjungan tersebut bertujuan membincangkan

perkembangan semasa serta hala tuju dan inisiatif terkini KNK dalam usaha memperkasa peranan badan bukan kerajaan (NGO) sebagai rakan strategik pembangunan negeri.

“KNK berperanan sebagai platform penyelaras kepada pelbagai NGO di Kelantan dalam merealisasikan agenda Kelantan Future State 2033, selaras dengan pendekatan Whole of Society yang menggalakkan penglibatan aktif masyarakat civil dalam pelaksanaan dasar dan inisiatif kerajaan,” jelas beliau.

Antara perkara yang turut dis-



PERANTAU TERUJA TAHU PERKEMBANGAN PEMBANGUNAN KELANTAN

Buletin دارالنعيم

MINGGUAN

DARULNAIM

ISSN 1311-6891 | ZULKAEDAH 1446H | 18-22 MEI 2025

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

PANTAI IRAMA BACHOK LOKASI PENGANJURAN PESTA WAU ANTARABANGSA KELANTAN 2025

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 20 Mei – Pantai Irama, Bachok dipilih sebagai lokasi baharu penganjuran Pesta Wau Antarabangsa Kelantan 2025 yang dijadual berlangsung dari 22 hingga 24 Mei ini, menggantikan lokasi tradisi sebelumnya di Pantai Geting, Tumpat.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB Datuk Kamarudin Md Nor berkata, perubahan lokasi dibuat berikutan kerja-kerja penambahbaikan yang sedang dijalankan di Pantai Geting.

“Pesta Wau Antarabangsa Kelantan lazimnya dianjurkan di Pantai Geting, namun untuk tahun ini, kita beralih ke Pantai Irama, Bachok kerana Pantai Geting sedang dalam proses penambahbaikan,” katanya kepada media selepas Mesyuarat Exco di Mabna, Kompleks



eks Kota Darulnaim, hari ini.

Menurut beliau, edisi kali ini menyaksikan penyertaan enam buah negara termasuk penyertaan sulung dari Ukraine, Jepun dan Korea Selatan.

“Antara negara yang mengejarkan penyertaan ialah China, Thailand, Singapura, Australia, Indonesia, Ukraine, Jepun dan Korea Selatan, selain wakil-wakil dari negeri-negeri seluruh Malaysia,”

jelasnya.

YB Datuk Kamarudin turut mengajak seluruh rakyat Kelantan, khususnya peminat seni permainan tradisional untuk hadir memeriahkan acara tahunan yang berprestij ini.

“Pesta ini bukan sahaja memperkenalkan budaya kita ke peringkat antarabangsa, tetapi juga mengukuhkan industri pelancongan warisan di Kelantan,” tambah

beliau.

Sebagai daya tarikan tambahan, pertandingan Wau Bercahaya akan diadakan pada malam 23 Mei (Jumaat), bermula pukul 9.00 malam.

Pelbagai persembahan turut memeriahkan suasana sepanjang tiga hari penganjuran, antaranya persembahan dikir barat, pertunjukan permainan api (fireshow) dan lain-lain acara kebudayaan.



KELANTAN ALU-ALUKAN ACARA SKALA KEBANGSAAN, ANTARABANGSA



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 22 Mei – Kelantan menyambut baik penganjuran acara berprestij berskala kebangsaan anjuran badan bukan kerajaan (NGO) yang mendapat pengiktirafan pelbagai pihak termasuk penglibatan kerabat diraja, sekali gus membuktikan keupayaan negeri ini sebagai tuan rumah yang diyakini di peringkat nasional dan antarabangsa.

Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan YB

Datuk Kamarudin Md Nor berkata, kerajaan negeri amat berbesar hati menjadi rakan strategik Persatuan Pandu Puteri Malaysia (PPPM) dalam menjayakan Persidangan Pandu Puteri dan Mesyuarat Agung Tahunan ke-60 yang berlangsung di Dewan Tok Guru Dato' Bentara Setia, Kompleks Kota Darulnaim, pada Rabu.

“Penganjuran berskala besar seperti ini bukan sahaja memperkuat jaringan kepimpinan dan jati diri dalam kalangan beliawanis, malah memberi impak langsung kepada sektor pelancongan negeri,” katanya ketika ditemui pasca acara.

Beliau menjunjung kasih atas keberangkatan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Raja Zarif Sofiah yang berkenan mencemar duli merasmikan persidangan tersebut.

Majlis turut diserikan dengan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultanah Kelantan Sultanah Nur Diana Petra Abdullah selaku Penaung Diraja PPPM Cawangan Kelantan serta delegasi diraja dari pelbagai negeri.

Turut hadir, Yang Dipertua PPPM Kebangsaan Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail bersama isteri Menteri Besar Kelantan Datin Panglima Perang Ustazah Datin Wan Nor Hanita Wan Yaacob

Menurut Datuk Kamarudin,

lebih 1,000 ahli Pandu Puteri dari seluruh negara berhimpun di Kelantan sepanjang persidangan yang berlangsung dari 19 hingga 22 Mei, sekali gus menjadi platform pertukaran idea, pemantapan jati diri dan promosi destinasi pelancongan tempatan.

“Delegasi turut dibawa melawat ke beberapa lokasi ikonik seperti Pasar Siti Khadijah dan kawasan peranginan bagi memperkenalkan keunikan budaya serta produk pelancongan negeri,” katanya.

